

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [BACHOK]**
TARIKH : **19.6.2014**
SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status siasatan penipuan dalam peperiksaan UPSR di daerah Bachok. Apakah ianya juga berlaku di daerah-daerah lain dan nyatakan jumlah mereka yang telah dikenakan tindakan kerana terlibat dalam kes penipuan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat siasatan terperinci dan disahkan bahawa tiada kes penipuan peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) yang berlaku di daerah Bachok. Begitu juga bagi daerah-daerah lain KPM tidak menerima sebarang kes penipuan.

Pada tahun 2013, isu di Bachok hanya melibatkan kes salah laku iaitu menyeludup nota bagi calon peperiksaan UPSR dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pihak KPM telahpun mengambil tindakan dengan membatalkan keputusan mata pelajaran yang berkaitan terhadap kedua-dua calon tersebut.